



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Kerajaan tuntut nilai ganti rugi daripada pesalah penyeludupan

**KPDN perkasa Ops Tiris atasi kerugian akibat penyelewengan bekalan bersubsidi**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan akan menuntut semula nilai ganti rugi bekalan bersubsidi diseleweng daripada pesalah sindiket penyeludupan dan penyelewengan bagi menangani kerugian dialami negara akibat kegiatan itu, mulai tahun depan.

Itu antara cadangan penambahbaikan bagi memperkasa Ops Tiris yang dipersetujui dalam mesyuarat dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam, berkata inisiatif itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

"Dalam konteks penguatkuasaan kita pada tahun hadapan, antara yang menjadi tumpuan, hukuman yang lebih tegas dan keras, sebagai contoh mereka yang terbabit (dalam penyelewengan), kami akan gantung lesen, kami

akan batalkan lesen.

"Kedua, kemungkinan besar kes membabitkan *recovery* (tuntutan) balik. Contohnya kerugian yang dialami kerajaan, kita ada agensi seperti pihak LHDN, SPRM dan NFCC. Kita akan bekerjasama mendapatkan balik (nilai kerugian itu).

"Kita akan ambil tindakan untuk mendapatkan balik kerugian terbabit daripada pihak menyeleweng," katanya.

#### Ops Tiris diteruskan

Mengulas lanjut, Azman berkata, penambahbaikan itu antara siferti yang akan dilaksanakan dan secara tidak langsung menjadi isyarat Ops Tiris akan di-



Azman Adam

teruskan pada tahun depan.

Katanya, ada beberapa penambahbaikan lagi yang sedang dirancang supaya usaha yang dilaksanakan, dapat membantu menyelamatkan ketirisan wang negara.

"(Ops Tiris) satu program yang bukan sahaja diteruskan, tetapi ditambah baik

untuk memastikan apa yang dihasratkan kerajaan (dapat dilaksanakan). Kita bukan menghalang subsidi dan kita tidak pernah menghentikan subsidi. Sebenarnya subsidi ini disasarkan kepada golongan yang betul-betul layak dan memerlukan.

"Ini juga satu kaedah kita nak menyelamatkan wang negara da-

ri pada ketirisan dan boleh membantu menambah baik fiskal kerajaan dan penjimatannya daripada kegiatan tidak diselewengkan ini, boleh diperuntuk untuk program yang beri manfaat kepada rakyat," katanya.

*BH* sebelum ini melaporkan Ops Tiris 3.0 yang dilancarkan di seluruh negara sejak 1 Januari lalu, berjaya merekodkan nilai rampasan pelbagai barang terkawal dan bersubsidi bernilai RM90.8 juta setakat Isnin lalu.

Rampasan petrol RON95 merekodkan angka tertinggi dengan 933 kes diikuti diesel sebanyak 734 kes, minyak masak (472 kes), gula (241 kes), LPG (197 kes) dan tepung gandum (99 kes).

Sejumlah 616 tangkapan juga dilakukan dalam tempoh sama membabitkan 490 rakyat tempatan, dua penduduk tetap dan 124 warga asing.

# Kelantan wajibkan ada sijil halal untuk perbaharui lesen

Oleh ROSLIZA MOHAMED  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Kerajaan Kelantan menetapkan syarat kepada pengusaha premis makanan dan minuman di negeri ini untuk memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebelum menyambung lesen perniagaan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau negeri Mohd. Asri Mat Daud berkata, sebagai permulaan syarat wajib itu dipelopori oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKBBRI).

"Insya Allah, PBT lain akan turut sama mempraktikan perkara ini dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Penyerahan Sijil Halal Nasken International Sdn. Bhd di Kota Seribong, Pasir Hor semalam.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Asri memberitahu, sebanyak 453 SPHM dikeluarkan kepada premis perniagaan di negeri ini sejak Januari hingga bulan ini.



**MOHD. ASRI MAT DAUD (dua dari kiri) bersama Pengarah Syarikat Nasken Coffee Manufacturing Sdn. Bhd., Fatimatal Hazwani Che Hashim (kiri) memegang replika SPHM di Pasir Hor, Kota Bharu, Kelantan semalam.**

- UTUSAN / ROSLIZA MOHAMED

Ujarnya, daripada jumlah itu 405 adalah pengusaha beragama Islam, manakala sebanyak 48 adalah premis bukan Islam.

"Untuk mendapatkan SPM itu ia perlu mengikuti lapan spesifik dan bukan sahaja makanan dan minuman, tetapi meliputi bahagian dapur, penggunaan bahan atau produk perlulahal."

"Kita melakukan pemerik-

saan di premis tersebut dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheai), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dan PBT," ujarnya.

Mohd. Asri berkata, pada masa sama pemeriksaan mengejut dilakukan dalam tem-

poh setahun bagi memastikan pengusaha premis mematuhi peraturan dan undang-undang.

Katanya, Kota Bharu paling ramai mendapat sijil tersebut iaitu hampir 190 premis perniagaan.

"Kita juga galakkan mereka usahakan perniagaan secara kecil-kecilan di rumah boleh daftar untuk mendapat SPM," ujarnya.

Mahkamah arah wanita Thailand didenda RM9,000

## Padah cuba seludup 34 peket minyak peket

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**KANGAR** — Tindakan seorang wanita Thailand yang cuba menyeludup 34 peket minyak masak bersubsidi tanpa lesen mengundang padah apabila dia didenda RM9,000 oleh di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Pemandu sebuah syarikat e-hailing, Salmee Changwang, 49, mengaku bersalah di atas pertuduhan memiliki barang tersebut di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salidi Idid.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dihukum penjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda dikenakan, selain kenderaan miliknya dilucutkan hak. Tertuduh membayar denda tersebut.

Salmee didakwa memiliki barang berjadual iaitu 34 peket minyak masak bersubsidi satu kilogram (kg) dalam keadaan yang menimbulkan syak di Jalan Kaki Bukit-Wang Kelian, Kaki Bukit, Padang Besar dekat ini pada pukul 4.30 petang, 19 Disember 2023.



**SALMEE** didenda RM9,000 oleh Mahkamah Sesyen Kangar semalam selepas mengaku bersalah atas kesalahan menyeludup minyak peket ke Thailand pada tahun lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan

Kawalan Bekalan 1974 kerana berurusan dengan minyak masak secara runcit dan borong

tanpa lesen.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 21 Akta Kaw-

Ian Bekalan (AKB) 1961 dan Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Seksyen 22(1) AKB 1961 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, pesalah boleh didenda sehingga RM3 juta atau dipenjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, pihak berkuasa menemukan 34 peket minyak masak 1 kg bersubsidi jenama Nusantara yang disembunyikan di bawah tempat duduk penumpang bahagian belakang sebuah pikap Toyota Hilux Revo berwarna kelabu dengan nombor pendaftaran Thailand.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Perlis, S. Mugunthan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

## Pengurus pasar raya dituduh pindah barang kawalan

**PASIR MAS** – Seorang pengurus gudang sebuah pasar raya mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memindahkan 2.41 tan minyak masak dan 480 kilogram (kg) gula ke premis yang tidak dilesenkan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Muhamad Hilmi Mohamad Ashari, 35, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Zulkifli Abdullah.

Tertuduh didakwa memindahkan barang kawalan itu dari Jalan Tengku Petra Semerak, Kota Bharu ke alamat tidak dinyatakan dalam lesen iaitu di Kampung Lubuk Tapah, Lati di sini pada pukul 9 malam 14 Januari lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda RM1 juta atau penjara tiga tahun atau ke-

dua-duanya, jika sabit kesalahan. Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM20,000 dan 3 Februari depan untuk sebutan semula kes selepas mendengar hujahan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Sophian Zakaria dan Muhammad Hakim Izani.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam membayar jaminan itu.



**MUHAMAD HILMI** mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Pasir Mas semalam atas tuduhan memindahkan barang kawalan ke lokasi tidak dilesenkan.

## Perbaharui lesen perlu ada sijil halal di Kelantan



MOHD. ASRI (dua dari kiri) bersama Pengarah Syarikat Nasken Coffee Manufacturing Sdn. Bhd., Fatimatul Hazwani Che Hashim (kiri) menunjukkan sijil SPHM yang diperoleh syarikat itu di Pasir Hor, Kota Bharu semalam. - ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Kerajaan Kelantan menetapkan syarat kepada pengusaha premis makanan dan minuman di negeri itu untuk memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebelum memperbaharui lesen perniagaan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Kelantan, Mohd. Asri Mat Daud berkata, pada peringkat awal, syarat wajib itu dimulakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

"Insya-Allah, PBT lain akan turut sama mempraktikkan perkara itu dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Penyerahan Sijil Halal Nasken International Sdn. Bhd. di Kota Seribong, Pasir Hor di sini semalam.

Dalam perkembangan lain,

Mohd. Asri memberitahu, sebanyak 453 SPHM telah dikeluaran kepada premis perniagaan di Kelantan sejak Januari lalu.

Menurutnya, sijil itu diberikan kepada hotel, restoran, kedai makan, farmasi, kedai dandanan rambut dan lain-lain.

Tambahnya, 405 premis daripada jumlah keseluruhan merupakan pengusaha orang Melayu manakala sebanyak 48 buah lagi perniagaan milik individu bukan Islam.

"Lapan perkara spesifik perlu ada untuk memohon SPHM. Ia bukan sahaja melibatkan makanan dan minuman, tetapi meliputi bahagian dapur, penggunaan bahan atau produk perlu halal.

"Kita melakukan pemeriksaan di premis tersebut dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheai).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) dan PBT," ujarnya.

Mohd. Asri berkata, pada masa sama, pemeriksaan mengikut dilakukan dalam tempoh setahun bagi memastikan pengusaha premis mematuhi peraturan dan undang-undang.

Katanya, berdasarkan data, pemilik premis di Kota Bharu paling ramai mendapat sijil tersebut iaitu hampir 190 buah premis perniagaan, manakala enam hingga tujuh buah premis masing-masing di daerah lain.

"Kerajaan negeri menggalakkan individu yang mengusahakan perniagaan atau industri secara kecil-kecilan di rumah boleh berdaftar untuk mendapat SPHM," ujarnya.

## Pegawai pengurus gudang borong, runcit mengaku tidak bersalah pindah barang kawalan

**KOTA BHARU:** Seorang pegawai pengurus sebuah gudang borong dan runcit di sini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Pasir Mas semalam, atas pertuduhan memindahkan barang kawalan berupa minyak masak seberat 2,411 kilogram (kg) dan gula pasir kasar 480kg, pada awal tahun ini.

Muhamad Hilmi Mohamad Ashari, 35, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Lelaki itu didakwa sebagai pegawai pengurus gudang borong dan runcit, sebuah Kelab kebajikan serta sukan jabatan, didakwa memindahkan barang kawalan iaitu minyak masak berjumlah 2,411kg dan gula pasir kasar berjumlah 480kg, selain daripada premis dinayatakan dalam lesen borong di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di satu lokasi

di Jalan Tengku Petra Sempak, Kota Bharu ke alamat di Kampung Lubuk Tapah Lati di Pasir Mas, yang alamat tersebut tidak dinyatakan dalam lesen.

Muhamad Hilmi didakwa melakukan kesalahan itu di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Belahan 1961 [Akta 122] yang boleh dibukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, seseorang selain daripada badan

korporat tetapi termasuk pengarah atau pegawai se-satu korporat yang melakukan kesalahan terhadap akta itu, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya sabit kesalahan pada kali kedua dan seterusnya, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjara dalam tempoh tidak melebihi lima tahun atau

kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Sophian Zakaria dan Muhammad Hakim Izani, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sophian menawarkan jaminan RM30,000 dengan beberapa syarat memandangkan tertuduh dilantik sebuah kelab berkaitan lesen barang terkawal iaitu minyak masak dan gula.

Muhamad Hilmi membuat rayuan memohon jaminan dikurangkan kerana dia mempunyai 13 adik-beradik dan menanggung tujuh orang daripadanya, serta ibu bapa, selain rumah kedainya terjejas akibat banjir baru-baru ini menyebabkan banyak barang rosak serta mengalami kerugian.

Hakim Zulkifli Abdul-Lah membenarkan jaminan RM20,000 dengan beberapa syarat, antaranya tertuduh perlu menyerahkan pasport jika ada, melapor diri di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam pada 3 Februari tahun hadapan.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 DISEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Dec	Pengurus gudang dituduh pindah minyak masak, gula ke premis tiada lesen	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/12/26/pengurus-gudang-dituduh-pindah-minyak-masak-gula-ke-premis-tiada-lesen">https://www.kosmo.com.my/2024/12/26/pengurus-gudang-dituduh-pindah-minyak-masak-gula-ke-premis-tiada-lesen</a>	KOSMO
27-Dec	Pengurus gudang mengaku tidak bersalah pindah 2.41 tan minyak masak, 480 kg gula	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/pengurus-gudang-mengaku-tidak-bersalah-pindah-2-41-tan-minyak-masak-480-kg-gula/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/pengurus-gudang-mengaku-tidak-bersalah-pindah-2-41-tan-minyak-masak-480-kg-gula/</a>	UTUSAN MALAYSIA
27-Dec	Pemandu lori miliki campuran petrol dan diesel tanpa lesen didenda RM20,000	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/pemandu-lori-miliki-campuran-petrol-dan-diesel-tanpa-lesen">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/pemandu-lori-miliki-campuran-petrol-dan-diesel-tanpa-lesen</a>	UTUSAN MALAYSIA
27-Dec	Wanita Thai didenda RM9,000 miliki minyak masak bersubsidi tanpa lesen	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/wanita-thai-didenda-rm9000-miliki-minyak-masak-bersubsidi-tanpa-lesen">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/wanita-thai-didenda-rm9000-miliki-minyak-masak-bersubsidi-tanpa-lesen</a>	UTUSAN MALAYSIA
27-Dec	Kelantan syaratkan miliki sijil halal untuk perbaharui lesen	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/kelantan-syaratkan-miliki-sijil-halal">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/kelantan-syaratkan-miliki-sijil-halal</a>	UTUSAN MALAYSIA
27-Dec	Op Tiris diteruskan, tuntut semula nilai kerugian daripada sindiket penyelewengan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-tuntut-balik-nilai-kerugian-bekalan-subsidi-diseleweng/">https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-tuntut-balik-nilai-kerugian-bekalan-subsidi-diseleweng/</a>	BULETIN TV3
27-Dec	Kerajaan tuntut balik nilai kerugian bekalan subsidi diseleweng	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1341473/kerajaan-tuntut-balik-nilai-kerugian-bekalan-subsidi-diseleweng">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1341473/kerajaan-tuntut-balik-nilai-kerugian-bekalan-subsidi-diseleweng</a>	BERITA HARIAN

27-Dec	Terima aduan tertinggi, bukti kepercayaan rakyat kepada KPDN laksana tugas	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/terima-aduan-tertinggi-bukti-kepercayaan-rakyat-kepada-kpdn-laksana-tugas/">https://www.buletintv3.my/nasional/terima-aduan-tertinggi-bukti-kepercayaan-rakyat-kepada-kpdn-laksana-tugas/</a>	BULETIN TV3
27-Dec	Thai woman fined RM9,000 for having packet cooking oil without permit	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/thai-woman-fined-rm9000-for-having-packet-cooking-oil-without-permit-EA13460114">https://thesun.my/malaysia-news/thai-woman-fined-rm9000-for-having-packet-cooking-oil-without-permit-EA13460114</a>	THE SUN
27-Dec	Thai woman fined RM9,000 for having subsidised	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1153113/thai-woman-fined-rm9000-having-subsidised-cooking-oil-without">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1153113/thai-woman-fined-rm9000-having-subsidised-cooking-oil-without</a>	NEW STRAITS TIMES
27-Dec	Wanita warga Thailand didenda RM9,000 miliki 35kg minyak masak bersubsidi	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1341431/wanita-warga-thailand-didenda-rm9000-miliki-35kg">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1341431/wanita-warga-thailand-didenda-rm9000-miliki-35kg</a>	BERITA HARIAN
27-Dec	Seorang individu didenda RM20,000 miliki bahan api tanpa lesen	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/seorang-individu-didenda-rm20-000-miliki-bahan-api-tanpa-lesen">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/seorang-individu-didenda-rm20-000-miliki-bahan-api-tanpa-lesen</a>	BERITA RTM